

PERATURAN SUKAN SEPAK TAKRAW

JABATAN LAUT MALAYSIA KALI KE-11 2026

SYARAT PERTANDINGAN SEPAK TAKRAW (ANTARA REGU)

1. KELAYAKAN PASUKAN

1. Setiap pasukan/regu hendaklah terdiri daripada 3 orang pemain (Tekong, Apit Kiri, Apit Kanan).
2. Bilangan pemain simpanan dibenarkan sehingga 2 orang.
3. Semua pemain mestilah berdaftar dan layak bertanding mengikut peraturan pertandingan.
4. Pemain tidak dibenarkan bertanding untuk lebih daripada satu pasukan dalam pertandingan yang sama
5. Setiap wilayah hanya dibenarkan menghantar 1 regu sahaja.

2. FORMAT PERLAWANAN

1. Perlawanan dijalankan secara 3 set.
2. Pasukan yang memenangi 2 set terdahulu dikira pemenang perlawanan.
3. Set pertama dan kedua dimainkan sehingga 15 mata.

3. SISTEM MATA

1. Cara memutuskan keputusan mata dalam liga :
 1. Cara memutuskan :
Menang - 2 mata
Kalah - 0 mata
 2. Jika terdapat 2 pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dikira menang.
 3. Jika terdapat 3 atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:
 - Pasukan yang memenangi perlawanan terbanyak dikira menang.
 - Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan permainan (set) terbanyak dikira menang.
 - Jika masih seri juga, pasukan yang telah mengalahkan lawannya dikira menang.

4. PAKAIAN PEMAIN

1. Pemain mesti memakai jersi bernombor, seluar sukan dan kasut sukan.
2. Pakaian mestilah seragam dan sopan.
3. Aksesori berbahaya adalah dilarang.

5. PERTUKARAN PEMAIN

1. Pertukaran hanya boleh dibuat ketika permainan dihentikan dan dengan kebenaran pengadil.

6. TIME-OUT

1. Hanya sekali bagi setiap set permainan selama 1 minit sahaja.

7. KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

1. Setiap pasukan perlu melaporkan diri di meja panggilan 5 minit sebelum perlawanan bermula.
2. Hanya 5 minit sahaja akan diberi kepada setiap pasukan yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 15 – 0, 15– 0. (2-0)

8. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

1. Setiap pasukan hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan kecederaan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur. Jika tidak, pasukan tersebut boleh disingkirkan daripada pertandingan ini.

9. TATATERTIB

1. Pemain dan pegawai pasukan hendaklah mematuhi etika sukan.
2. Kad kuning dan kad merah boleh dikenakan bagi kesalahan disiplin.
 - 2.1. Pemain yang mengumpul 2 kad kuning sepanjang perlawanan akan di gantung 1 perlawanan seterusnya.
 - 2.2. Pemain yang menerima kad merah semasa perlawanan berlangsung tidak dibenarkan meneruskan perlawanan. Pemain tersebut tidak dibenarkan beraksi perlawanan seterusnya sehingga tamat kejohanan.
3. Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan ini, Peraturan Sukan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur. Keputusannya adalah muktamad.